

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[ PERMATANG PAUH ]**

**SOALAN NO. 361**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan:-

- (a) garis panduan dalam penetapan garis kemiskinan sebanyak RM980 sebulan; dan
- (b) adakah Kementerian bersedia mengambil kira penggunaan metolodogi indeks kemiskinan multidimensi yang mengukur tahap pendidikan, kualiti kesihatan dan taraf hidup.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Malaysia sebanyak RM980 sebulan tersebut adalah mengguna pakai model pengukuran PGK yang telah dikaji secara mendalam pada tahun 2005 oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan kerjasama *United Nations Development Programme (UNDP)*.
2. Model pengukuran PGK ini menggunakan kaedah *Cost of Basic Needs* yang mengambil kira tiga komponen asas iaitu keperluan makanan, keperluan bukan makanan dan ciri-ciri isi rumah yang berkaitan. Pengukuran PGK ini telah diterbitkan di dalam laporan *Malaysia Measuring and Monitoring Poverty and Inequality* oleh UNDP pada tahun 2007.
3. Bagi keperluan PGK makanan, kumpulan pakar dari Kementerian Kesihatan dan institusi pengajian tinggi telah mengkaji dan menetapkan

kadar minimum kalori yang diperlukan oleh seseorang untuk terus hidup sihat dan selesa mengikut jantina, umur dan lokasi tempat kediaman (TK) mereka. Jumlah keperluan pemakanan yang disyorkan atau *Recommended Dietary Allowance* (RDA) bagi satu isi rumah seramai lima orang ialah sebanyak 8,725 sehari.

4. Keperluan harian kilo kalori bagi setiap individu adalah mengandungi pemakanan seimbang yang terdiri daripada:

- (i) bijirin dan produk bijirin (beras, tepung gandum dan sebagainya);
- (ii) ayam, telur dan ikan;
- (iii) susu;
- (iv) minyak dan lemak;
- (v) gula;
- (vi) sayur-sayuran dan buah-buahan; dan
- (vii) kekacang.

5. Keperluan kilo kalori tersebut ditukarkan kepada nilai ringgit mengikut harga runcit semasa setiap kawasan.

6. Bagi penentuan keperluan PGK bukan makanan, kumpulan pakar dari pelbagai agensi berkaitan telah mengkaji dan menetapkan keperluan minimum yang diperlukan oleh seseorang merangkumi pakaian, perumahan, pengangkutan dan keperluan bukan makanan lain mengikut jantina dan umur seseorang. Komponen PGK Bukan Makanan dikira berdasarkan kepada pola perbelanjaan isi rumah berpendapatan rendah yang dikenal pasti melalui Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah. Komponen PGK bukan makanan ialah:

- (i) pakaian dan kasut;
- (ii) sewa kasar, bahan api dan utiliti;
- (iii) perabot, peralatan dan kelengkapan isi rumah (barang tahan lama);
- (iv) pengangkutan dan perhubungan; dan
- (v) item bukan makanan lain.

7. Hasil daripada kajian dan penetapan tersebut (makanan dan bukan makanan), maka penentuan item barangang untuk pengiraan PGK dibuat dan diselaraskan dengan harga semasa berdasarkan Indeks Harga Pengguna (IHP). PGK yang digunakan sentiasa dikemas kini selaras dengan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (PPIR & KA) yang dilaksanakan dua kali setiap lima tahun. Ia juga mengambil kira keperluan perancangan negara dan perubahan harga yang berlaku serta perubahan pola kehidupan masyarakat Malaysia.
8. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah memperkenalkan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) dan menerbitkan data MPI pada tahun 2018 dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-11 (KSP RMKe-11). Pengenalan MPI tersebut bermatlamat supaya penyampaian perkhidmatan Kerajaan lebih tersasar dan berdasarkan keperluan. Sehubungan itu, cadangan Yang Berhormat adalah disambut baik untuk pengukuran kemiskinan yang lebih inklusif yang merangkumi dimensi pendidikan, kesihatan, taraf hidup dan pendapatan.